

SERTAI

Simulasi Peperiksaan SPM
guru.net.my

pada 3, 10 dan 17 Oktober
Hadiah menarik menanti anda!

Juara Kempas

Lihat muka

2



DI DALAM

Fokus SPM 2009

Bahasa Melayu (Kertas 1)

Karangan Jenis Peribahasa/
Slogan

m3

Mathematics

Bearing

m6

Chemistry

Redox Reactions in Electrolytic
and Chemical Cells

m8

Biology

Homeostasis in humans

m9

bayar

RM 1,000.0

PENERIMA

SMK

5 June 2009

ExxonMobil

Oleh Norliza Abdullah

Universiti Putra Malaysia menerusi Fakulti Perhutanan yakin pengisian program Kem Pendidikan Alam Sekitar (Kempas) 2009 mampu memberi manfaat berterusan kepada generasi muda khususnya pelajar sekolah mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar.

Disertai 48 pelajar Tingkatan Empat seluruh negara, kem yang berlangsung di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong itu berjaya mendedahkan peserta yang bakal mewarisi khazanah sumber asli negara dengan pelbagai aktiviti pemuliharaan alam sekitar kerana ia akan menjadi faktor penentu ke arah amalan cara hidup yang mesra alam pada masa depan.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Inovasi, UPM, Prof Dr Abu Bakar Salleh, berkata program yang diadakan kali ketiga itu mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar seluruh Malaysia.

"Kita harapkan pertandingan yang diadakan ini bukan bertujuan untuk menjadi johan semata-mata, tetapi dapat memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam khazanah hutan dan tanah yang amat bernilai," katanya.

Penganjuran Kempas 2009 turut menampilkan pembaharuan dengan mewujudkan modul guru pembimbing.

Modul khas untuk guru pembimbing, pengisianya lebih menyeluruh termasuk peranan mereka dalam membantu peserta kem selain boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran di sekolah.

Sementara itu, percubaan pertama Sekolah Menengah

Kempas Dedah Pelajar Pemuliharaan Alam Sekitar



Sebahagian peserta Kempas 2009 bersama Dr Abu Bakar (tengah, belakang) dan fasilitator.

Kebangsaan (SMK) Agama Melor, Kota Bharu membuatkan hasil apabila dipilih sebagai juara Kempas 2009.

Menggalas cabaran Kelantan, sekolah yang diwakili Muhammad Ruzaiman Mohd Ismail, Ilman Ziat dan Nur Hanna Halim membawa pulang wang tunai RM1,000, Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) RM250 setiap seorang, sijil

penyertaan dan hadiah iringan.

Tempat kedua dimenangi SM Sains Selangor yang menerima wang tunai RM800 dan SSPN RM200 setiap seorang, manakala tempat ketiga SMK Putrajaya, Presint 9 (1) pula RM600 serta SSPM150 setiap seorang.

Kedua-dua kumpulan itu juga menerima piala pusingan, sijil penyertaan, replika dan hadiah iringan

yang disampaikan Dr Abu Bakar.

Hadir sama Pengurus Hal Ehwal Awam Subsidiari ExxonMobil Malaysia, Farid Jaafar dan Dekan Fakulti Perhutanan, Prof Madya Dr Awang Noor Abd Ghani serta Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, Raja Azlan Raja Sulaiman.

Muhammad Ruzaiman berkata, mereka tidak menyangka akan menjadi pemenang dalam pertandingan itu kerana semua peserta hebat dan mempunyai peluang cerah untuk menang.

"Ini kali pertama penyertaan saya dan dua rakan lain dalam kem seumpama ini. Sebelum ini, kami tiada pengalaman menyertai pertandingan mengenai alam sekitar dan ia adalah satu kenangan manis buat kami dan juga sekolah.

"Antara cabaran paling sukar dalam pertandingan ini ialah menyiapkan modul dan mengenal pasti jenis tanah kerana memerlukan komitmen dan ketelitian daripada setiap peserta.

"Kami perlu membuat kajian terperinci mengenai tanah yang ada dalam hutan ini dan ia bukan satu perkara yang mudah. Kerjasama dan kesabaran adalah ciri utama dalam pasukan yang membolehkan kami memenangi pertandingan ini," katanya.



Antara cabaran paling sukar dalam pertandingan itu ialah menyiapkan modul dan mengenal pasti jenis tanah kerana memerlukan komitmen dan ketelitian daripada setiap peserta."

Muhammad Ruzaiman
SMK Agama Melor, Kota Bharu



Peserta SMK Derma, Kangar, dari kanan, Husna Adila Mohd Bokeri, Tan Jia Ern Chris dan Hasan Hamlussalam menunjukkan anyaman yang mereka hasilkan daripada daun bertam.

Johan Kempas

2009:

**Sekolah Menengah
Kebangsaan Agama Melor,
Kota Bharu**

2008:

**Sekolah Menengah
Kebangsaan St Anthony,
Ipoh, Perak**

2007:

**Sekolah Menengah
Kebangsaan Sultan Abdul
Aziz, Teluk Intan, Perak**

SIDANG PENGARANG

- KETUA PENGARANG KUMPULAN NSTP:
Datuk Hishamuddin Aun
- PENGARANG KUMPULAN BHSB:
Datuk Manja Ismail
- TIMBALAN PENGARANG KUMPULAN BHSB:
Mustapa Omar
- PENGARANG EKSEKUTIF RENCANA BHSB:
Norhayati Md Said
- PENGARANG PENDIDIKAN:
Zainor Said
- PENOLONG PENGARANG PENDIDIKAN:
Mohamad Muda
- PENGARANG BERITA PENDIDIKAN:
Tamrin Anuar
- PENYUNTING DAN REKA LETAK:
**Muhd Fakhri Alias,
Zainon Kadim**
- ILUSTRATOR:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
- EKSEKUTIF ARTIS:
Ahmad Zulkifli Yahaya

PENGEDARAN:

Kuala Lumpur:

Nadzra Affendi / Fariza Yaacob

Balai Berita, Unit Perkhidmatan Pendidikan,

Jabatan Pengedaran NSTP

31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur

Tel: 03 - 2056 9547 / 236

Faks: 22826216 / 5502

Talian Bebas Tel : 1 800 880 239

Petaling Jaya: Sivaji (03-78756443/78756355)

Klang: Mahmud Mat Ali / Dzulamarulhilmie

(03-33451775/6) Faks : 03-33452451 **Putrajaya:**

Dzulamarulhilmie (03-88884987 / HP : 012-3715630)

Faks : 03-88885242 **Seremban:** Jayakumar

(06-7622149/7623781) Faks : 06-7617225

Johor Bahru: Juswar Jani / Shazli Aghus

(07-3311831 Faks: 07-3314240) **Ipoh:** Subramaniam /

Razman (05-2540323 Faks : 05-2554049)

Alor Star: Ozali Othman / Norizana(04-7310530

Faks: 04-7338020) **Pulau Pinang:** Wan Zarifah

/ Hon Chung Khay (04-2270634 Faks : 04-2260526)

Kota Bharu: Hawari Mohamad (09-7449300

Faks: 09-7487746) **Kuala Terengganu:** Azhar

Ahmad / Abdul Ghani Mohamad (09-6221361

Faks : 09-6223542) **Kuantan:** Nordin Othman /

Thang Boon Hui (09-5142601 Faks : 09-5142823)

PENGIKLANAN:

Tel: 22822328 samb 5842 / 5652

SEBARANG PERTANYAAN DAN SURAT

MENTURAT HANTARKAN KEPADA

■ PENGARANG

Unit Pendidikan

Berita Harian Sdn Bhd

Balai Berita, 31 Jalan Riong,

59100 Kuala Lumpur

Tel: 03-22822323

samb 4769/4770/4771/4772/4780

Faks: 03-22844978

Emel: upen@nstp.com.my